

20/07/1998

Pengorbanan polis, tentera dihargai

Johnny Giles Senin; Fazallah Pit

MENGEKALKAN kesejahteraan dan kedamaian sesebuah negara adalah tuntutan fardu kifayah setiap umat manusia apatah lagi bagi mereka yang berkhidmat dalam pasukan keselamatan yang memikul amanah itu.

Pengorbanan dua pegawai polis dan tentera yang mengabdikan diri kepada negara sejak sekian lama menerima penghargaan apabila diumumkan sebagai antara penerima Anugerah Maulidur Rasul 1419 Hijrah, baru-baru ini.

Anugerah itu adalah pengiktirafan kepada rakyat tempatan yang berjasa kepada masyarakat umum sebagai memenuhi tuntutan kifayah demi kesejahteraan negara.

Dua pahlawan itu ialah Sarjan Mejar Abdul Latif Harun dari Pasukan Gerak Khas (PGK) Polis Diraja Malaysia dan Kapten Suhaidi Saad, Jurulatih Palapes UPM.

Lapan penerima lain ialah Saim Abd Aziz, Mohd Noh Mohamad, Muniandy a/l Doraisamy, Md Nayan Salleh, Hussin Abd Hamid, Aziz Ismail, Mohd Omar Yaakob dan Norsiah Soad.

Mereka menerima sebuah plak, sijil penghargaan dan buku terbitan Jakim yang disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sarjan Mejar Abdul Latif yang akan menyambut ulang tahun ke-43 pada 7 Ogos ini, mula menyumbangkan bakti dalam perkhidmatan polis sejak 24 tahun lalu dalam Pasukan Polis Hutan (PPH) Batalion ke-6 (kini Pasukan Gerakan Am) di Cheras pada 1976.

Selepas berkhidmat lima tahun, Abdul Latif kemudian terpilih memasuki Unit Tindakan Khas (UTK) atau sekarang dikenali sebagai PGK pada 1981 sehingga hari ini.

Sepanjang pembabitannya dalam PGK, anak kelahiran Rantau, Negeri Sembilan ini berjaya memberkas 25 penjenayah dan menembak mati 20 penjenayah serta membebaskan enam mangsa penculikan.

Menurut beliau, ketahanan mental dan fizikal amat penting di samping kemahiran tertentu yang lain.

Abdul Latif berkata, ketahanan mental seseorang anggota PGK sememangnya sentiasa berada pada tahap terbaik kerana tugas dalam pasukan itu bukan saja memerlukan kemahiran tetapi mental yang lasak.

Beliau berkata, pengalaman kali pertama menembak mati penjenayah dalam satu operasi tidak memberi sebarang kesan negatif seperti gemuruh, gementar atau takut.

"Saya ingat lagi ketika menembak mati penjenayah dalam operasi itu, perlakuan saya spontan seperti yang dirancang dalam pelan operasi.

"Sepanjang beberapa siri operasi yang disertai, saya tidak pernah mengalami sebarang kecederaan.

"Saya bersyukur kerana masih dilindungi Tuhan ketika bertugas malah semua rakan saya dalam satu operasi juga tidak ditimpa musibah.

"Paling teruk ialah seorang rakan saya luka ketika merempuh dinding dalam operasi menyelamatkan seorang majistret di Penjara Kuantan tidak lama dulu," katanya.

Ditanya mengenai operasi itu, Abdul Latif mengakui ia adalah pengalaman menarik yang membabitkan 10 anggota UTK bagi membebaskan tebusan dan menahan penjenayah terbabit.

Menurutnya, dalam keadaan bersiap sedia membebaskan majistret kira-kira jam 12 tengah hari itu, secara tiba-tiba penjenayah menangkap majistret dan mahu membunuhnya.

"Penjenayah itu mengangkat tangan hendak menikam majistret manakala seorang rakannya pula meluru dan cuba menembak saya. Spontan, saya menembak dan melepaskan tembakan sebelum penjenayah sempat membunuh majistret.

"Beberapa rakan lain kemudian menyelamatkan majistret, membawanya keluar ke kawasan selamat," katanya.

Abdul Latif berkata, mereka tidak menyangka penjenayah itu mempunyai senjata api, tetapi bersyukur kerana operasi itu berjalan lancar.

"Saya tidak cedera walaupun nyaris ditembak manakala majistret itu berjaya diselamatkan. Alhamdulillah," katanya.

Beliau mengakui menangani kes culik lebih sukar berbanding operasi menahan penjenayah walaupun drama tembak-menembak kerana polis terpaksa mengutamakan keselamatan mangsa culik yang dijadikan tebusan dan pada masa yang sama memberkas penculik terbabit.

Menurutnya, pendedahan ketika mengikuti latihan yang sistematik baik di dalam dan di luar negara banyak membantu beliau dan rakan lain mencapai kejayaan.

Abdul Latif pernah menjalani latihan di tiga negara iaitu United Kingdom (1993) dan Perancis (1990) masing-masing selama tiga minggu dan di Thailand (1983) selama lima minggu.

Selain itu, beliau pernah mengikuti pelbagai latihan dalam negara bagi mengekal dan meningkatkan tahap kecekapannya.

Mengenai keselamatan keluarganya, Abdul Latif berkata, beliau berserah dan bertawakal kepada Tuhan.

"Tugas yang saya lakukan adalah untuk kesejahteraan masyarakat di negara ini dan saya percaya setiap perbuatan yang baik akan dibalas dengan baik jua," katanya.

Beliau yang juga mewakili negara dalam Cabaran Malboro di Utah Amerika Barat, tahun lalu turut menjalankan tugas sampingan sebagaimana rakan lain dalam PGK iaitu menjadi pengiring orang kenamaan.

Menurutnya, tugas itu kelihatan mudah tetapi sebenarnya amat sukar dan berat tanggungjawabnya kerana sekiranya berlaku insiden yang membahayakan nyawa orang kenamaan berkenaan, mereka adalah orang pertama yang akan dipersalahkan.

"Bagaimanapun, tugas sebenarnya adalah satu amanah dan kita seharusnya menjalankan sebaik mungkin tanpa menghiraukan sangat risikonya," katanya.

Sementara itu, Kapten Suhaidi Saad, dilahirkan pada 5 Ogos 1971 di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, sudah sembilan tahun mencurahkan bakti dalam Angkatan Tentera.

Menyertai angkatan tentera pada 4 Ogos 1989 di Maktab Tentera Diraja sebelum ditauliahkan oleh Yang Di-Pertuan Agong dan diserapkan ke dalam Batalion ke-21, Kor Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), di Unit Kem Teberau.

Memikul tanggungjawab sebagai Ketua Platun selama satu setengah tahun sebelum pasukannya ditukarkan ke Sabah dan dilantik sebagai Ketua Platun Mortar selama tiga tahun di situ.

Pada Oktober 1994, beliau diatur gerak ke Kelantan selama tiga bulan sebelum ke Kementerian Pertahanan (Mindef) sebagai Pegawai Staf 3 Rancang, Bahagian Pasukan Simpanan untuk tiga tahun seterusnya.

Pada Disember 1997 pula, beliau ditukarkan ke Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai Pegawai Jurulatih Pasukan Latihan Simpanan Pegawai (Palapes).

Menurutnya, sepanjang perkhidmatan dalam tentera Operasi Belasah di Pulau Tambisan, Sabah adalah kenangan dan pengalaman paling mencabar yang sukar dilupakan.

Beliau yang ketika itu bertugas dalam pasukan 21 RMD bertanggungjawab membawa satu platun bersama satu seksyen mortar dengan kira-kira 42

anggota bagi menjaga keselamatan penduduk kampung di kawasan itu, di samping melaksanakan tugas biasa yang lain.

Tarikh bersejarah, 1 September 1993, kira-kira jam 6.20 malam Suhaidi didatangi dua penduduk kampung yang memberitahu bot mereka dirampas selepas diserang lanun. Bagaimanapun mereka sempat menyelamatkan diri.

"Saya dimaklumkan lanun itu berada dekat pulau Tambisan berhampiran Kampung Opi dan saya menghantar satu seksyen dengan kekuatan lima orang menggunakan jalan darat bagi mengesahkan kejadian itu.

"Saya bersama lima anggota lain pergi ke kampung yang sama menggunakan bot. Dalam perjalanan kami singgah di balai polis dan memaklumkan perkara itu sebelum meneruskan perjalanan.

"Dalam lingkungan 1,000 meter daripada perkampungan tadi kami melihat dua bot laju dipercayai bot lanun," katanya.

Suhaidi berkata, mereka mengesahkan bot itu berdasarkan maklumat penduduk tempatan.

"Kami mengambil tanggapan ia adalah bot asing atau bot lanun dan dalam keadaan serba kekurangan untuk bertempur di laut saya mengarahkan bot anggota berpatah balik sejauh 200 meter untuk keselamatan," katanya.

Bagi mengetahui bot siapakah yang datang ke arah mereka, beliau menggunakan teropong untuk mengesahkannya.

"Pada masa itu laut agak bergelombang, penglihatan agak kabur dan kami tidak berganjak sambil menunggu ia datang lebih dekat," katanya.

Bot lanun berkekuatan 7 hingga 8 orang itu yang sebelumnya bergerak ke arah mereka berhenti kira-kira 80 ke 100 meter dan seorang daripadanya memegang senjata.

"Saya mengarahkan anggota menembak dan berlaku drama tembak menembak selama enam minit dengan menggunakan tembakan secara kuasa automatik (tembakan terus menerus).

Beliau berkata, tindakan itu penting bagi memenangi pertempuran itu kerana pihak lawan tidak mempunyai peluang membalas balik tembakan kerana mereka sibuk mengelak dan berlindung.

"Kira-kira enam jam kemudian, pasukan polis marin datang untuk membantu kami dan ini melemahkan pihak lanun yang melarikan diri ke perairan antarabangsa," katanya.

Suhaidi dan anak buahnya berjaya merampas kembali bot nelayan itu.

Kejayaan itu membawa kepada penganugerahan pingat Panglima Gagah Berani kepada Kapten Suhaidi dan pingat Kepujian Perutusan Keberanian (KPK) kepada anggotanya yang lain sempena hari keputeraan Yang di-Pertuan Agong tahun 1995.

(END)